

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR  
**AKNC**





# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

FAKULTI SAINS PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN  
POLISI

PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN  
PENGKOMERSILAN

---

**KETUA PTJ :**

NOR HAFIZAH BINTI MOHAMED HARITH

**KETUA UNIT KUALITI :**

JENIWATY BINTI MOHD JODY

**PENYELARAS :**

**PENULIS :**

1. NOR EZRINE BINTI YUSSOFF
2. SHARIFAH FAATIHAH BINTI SYED MOHD FUZI
3. NOR ZAKIAHANIM BINTI ZAKARIA
4. NOR SYAMALIAH BINTI NGAH
5. SITI HAJJAR BINTI MOHD AMIN
6. SITI MELINDA BINTI HARIS
7. FARAH ADILLA BT AB RAHMAN



## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

FSPPP memberi perhatian yang tinggi dalam menggembungkan tenaga untuk menyediakan PERANCANGAN pelan tindakan berkaitan hal-ehwal penerbitan, penyelidikan dan pengkomersilan sepanjang tahun 2023. Aktiviti dan program yang disediakan adalah selaras dengan Falsafah, Visi dan Misi serta Objektif UiTM, dan dilaksanakan selari dengan teras strategik, inisiatif utama dan petunjuk prestasi yang telah ditetapkan oleh UiTM. Usaha ini adalah sejajar dengan aspirasi UiTM untuk menjadi “Universiti Terkemuka Dunia” menjelang tahun 2025 bagi memenuhi hasrat negara mencapai objektif “Wawasan Kemakmuran Bersama”. Diperingkat fakulti, pelan tindakan strategik yang berkaitan hal-ehwal bidang tumpuan boleh dirujuk di dalam Buku Perancangan Strategik FSPPP 2022 – 2025, yang menyokong KPI/Sasaran dalam bidang penerbitan, penyelidikan dan pengkomersilan.

Dibawah teraju utama Dekan Prof. Madya Dr. Nor Hafizah binti Mohamed Harith, pasukan RICAEN yang diketuai oleh Timbalan Dekan Dr. Raduan Yusof bersama pasukan yang mantap dan komited (rujuk lampiran 1.1a) telah merancang dengan teliti berkaitan hal-ehwal penerbitan dengan hebahan dalam mesyuarat utama fakulti (rujuk lampiran 1.1b) sebanyak dua kali dalam setahun kepada warga akademik fakulti tentang PI Penerbitan yang perlu dan telah dicapai, melantik PIC (rujuk lampiran 1.1a) bagi urusan pelaksanaan bengkel, webinar dan mesyuarat berkaitan serta kesediaan pengurusan FSPPP dalam memberi kelulusan peruntukan kewangan bagi penganjuran program berbentuk penulisan (rujuk lampiran 1.1c). Begitu juga halnya dalam hal ehwal penyelidikan dengan hebahan kepada warga akademik fakulti tentang PI Penyelidikan yang perlu dan telah dicapai (rujuk lampiran 1.1d), galakan kepada warga fakulti untuk memohon geran luar (industri/kerajaan) dan mewar-warkan peluang penyelidikan yang ada serta membentuk research team yang terdiri daripada pensyarah senior dan junior. Seterusnya, begitu juga di dalam hal-ehwal pengkomersilan dengan memberi galakan kepada pensyarah untuk melibatkan diri dengan aktiviti berkaitan bagi tujuan pengkomersilan melalui penulisan akhbar, keterlibatan pensyarah dalam wawancara TV, Radio dalam memastikan kenampakan FSPPP, serta kelulusan peruntukan kewangan dalam pertandingan inovasi.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada perancangan yang telah di muafakat kan bersama dengan warga FSPPP, pengurusan FSPPP telah mengambil inisiatif untuk MELAKSANAKAN empat aktiviti utama dalam mencapai KPI penerbitan, penyelidikan dan pengkomersilan dalam Pelan Transformasi Strategik (PTS).

FSPPP mengambil pendekatan proaktif dengan PEMANTAUAN secara berkala terhadap PTS yang direncanakan. Langkah ini melibatkan pelaporan daripada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) yang dibentangkan secara telus di dalam mesyuarat fakulti sebanyak dua (2) kali setahun. Ini membolehkan warga FSPPP cakna tentang PI yang telah dicapai. Sekaligus memberi persepsi positif kepada warga yang menunjukkan bahawa fakulti memantau ketiga-tiga PI ini. (rujuk lampiran 1.1e)

Kesimpulannya, langkah PENAMBAHBAIKAN yang diambil oleh pengurusan FSPPP adalah berdasarkan hasil analisis data pemantauan yang TELAH dibentangkan di mesyuarat fakulti. Menerusi perbincangan ini, strategi penambahbaikan bagi petunjuk prestasi fakulti yang belum tercapai dan pemerkasaan petunjuk prestasi yang telah mencapai sasaran akan diputuskan untuk tindakan yang bersesuaian. Semakan berkala terhadap pencapaian PI melalui mesyuarat utama dan rasmi fakulti turut menyediakan platform agar bilangan penerbitan, nilai geran penyelidikan disemak dan ditambah baik. Penambahbaikan ini diselaraskan mengikut halatuju universiti berdasarkan objektif dan inisiatif strategik FSPPP.

## **1.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pihak pengurusan FSPPP telah mengambil PENDEKATAN yang agresif dalam merealisasikan pelaksanaan dan pencapaian PI di dalam PTS fakulti sehingga telah berjaya melonjakkan pencapaian di dalam tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya. Pendekatan yang mencakup empat aspek utama iaitu:

- Motivasi – “Publication Reward” insentif (rujuk lampiran 1.2a)
- Pace – FYP to Proceeding/ Mengorganisasikan program inovasi (rujuk lampiran 1.2b)
- Proses – Jam Menulis Pensyarah dan “Fund Assistance Innovation” (rujuk lampiran 1.2c)
- Produktiviti – “Ace of Glory” projek (rujuk lampiran 1.2d)

Empat pendekatan utama PTS ini bermula dengan sentuhan hati melalui motivasi kepada warga FSPPP terlebih dahulu. Pendekatan kedua diteruskan dengan langkah untuk menghasilkan penyelidikan, penerbitan atau pengkomersilan di kalangan warga FSPPP dengan semangat yang tinggi kesan dari pendekatan pertama melalui motivasi yang telah diberikan dari awal. Langkah seterusnya pula adalah dengan memberikan ruang masa atau waktu untuk warga FSPPP menulis mengikut kelapangan masa masing-masing secara berkala melalui pendekatan jam menulis pensyarah. Pendekatan terakhir adalah penghasilan produktiviti dari tiga pendekatan yang terdahulu.

Kesimpulannya berdasarkan kepada PENDEKATAN dalam PTS yang dinyatakan, pengurusan kanan FSPPP TELAH berjaya menampakkan pencapaian dari pendekatan perancangan yang sistematis melalui empat pendekatan dan kaedah bagi menggerakkan PI dengan mengambil kira usaha kolaborasi dan perkongsian pengetahuan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_K01\\_KB02\\_20241\\_Lampiran 1.1a-d.pdf](#)
2. [F0064\\_K01\\_KB02\\_20242\\_Lampiran 1.2a-d.pdf](#)
3. [F0064\\_K01\\_KB02\\_20243\\_Lampiran 1.1e.pdf](#)
- 4.
- 5.

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Perancangan dua pendekatan utama iaitu PACE dan Ace of Glory TELAH dirangka mengambil kira keperluan yang telah digariskan dalam memenuhi petunjuk prestasi FSPPP berdasarkan penetapan oleh pihak BTU (Bahagian Transformasi Universiti). Melalui kedua-dua pendekatan utama ini, aktiviti-aktiviti yang melibatkan pemerkasaan penghasilan penerbitan akademik, pewujudan ekosistem penyelidikan yang kondusif dan jalinan rangkaian kerjasama penyelidikan sehingga ke peringkat antarabangsa TELAH dirangka dan dijalankan di bawah pemantauan utama Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi FSPPP dan melibatkan kerjasama jawatankuasa program-program yang dianjurkan (rujuk lampiran 1.3a).

PTS dan keperluan memenuhi petunjuk prestasi ini TELAH disebar luas kepada semua warga FSPPP secara bersistematik melalui pelbagai medium. Penetapan PTS FSPPP ini telah disiarkan melalui penstriman langsung melalui teams didalam mesyuarat fakulti untuk makluman seluruh staf FSPPP (rujuk lampiran 1.3b). Perluasan maklumat turut dihebahkan secara konsisten melalui whatsapp fakulti dan di laman web rasmi FSPPP-<https://fsppp.uitm.edu.my/>. (rujuk lampiran 1.3c)

Perluasan hebahan aktiviti-aktiviti ini berfungsi sebagai pemakluman dan bertujuan meningkatkan ketampakan FSPPP dan meraih penglibatan daripada seluruh pihak yang berpotensi menyertai aktiviti-aktiviti yang dihebahkan.

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik FSPPP yang dirancang TELAH dilaksanakan pada tahap pelaksanaan yang meluas kepada keseluruhan sistem UiTM.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_K01\\_KB03\\_20241\\_Lampiran 1.3a-b Terkini.pdf](#)
2. [F0064\\_K01\\_KB03\\_20242\\_Lampiran 1.3c.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan Kanan FSPPP TELAH melaksanakan pemantauan berterusan menerusi beberapa pelan tindakan bagi mengenalpasti pencapaian program-program BTU melalui mekanisme pemantauan seperti berikut:

- Pengenalpastian pencapaian petunjuk prestasi yang terdahulu dalam Bengkel Perancangan Strategik FSPPP (rujuk lampiran 1.3a).
- Pemantauan berkala pencapaian PTS oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi dan Penyelaras Perancangan Strategik dan Transformasi FSPPP dalam setiap Mesyuarat Fakulti dan Pengurusan FSPPP (rujuk lampiran 1.4a).
- Pemantauan pencapaian & keberkesaan program berdasarkan pelaporan aktiviti yang melibatkan BTU (rujuk lampiran 1.4b).

Pengurusan Kanan FSPPP TELAH melaksanakan pemantauan bagi mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif seperti berikut:

- Pengenalpastian punca kegagalan PTS melalui perbincangan berdasarkan pengumpulan dan analisis data dalam Bengkel Perancangan Strategik FSPPP yang melibatkan semua ahli pengurusan FSPPP, jawatankuasa berkaitan, kumpulan sasar dan staf senior fakulti yang bertindak sebagai pakar rujuk atau mentor (rujuk lampiran 1.4c)
- Penyenaraian berkaitan isu yang dihadapi serta cadangan penambahbaikan bagi setiap petunjuk prestasi dalam Mesyuarat Fakulti dan Pengurusan FSPPP (rujuk lampiran 1.4d)

Selain itu, tahap pencapaian setiap Petunjuk Prestasi dilaporkan berdasarkan pencapaian bulanan yang dikemaskini oleh Penyelaras BTU FSPPP ke dalam sistem bersepadu (BTU) UiTM.

Pemantauan pencapaian PI berkaitan BTU dipantau dari semasa ke semasa secara berkala. Fakulti telah menerima pengiktirafan melalui Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti dari BTU dengan empat anugerah utama iaitu Ketampakan, Kecemerlangan Prestasi, Penjanaan Pendapatan, dan Jaringan Alumni, Komuniti dan Industri (rujuk lampiran 1.4b dan lampiran 1.4e)

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, FSPPP TELAH mengenalpasti pencapaian PI melalui mekanisme rasmi UiTM iaitu dari BTU dan punca kegagalan sesuatu inisiatif bagi melaksanakan pelan pemantauan yang berkesan terhadap objektif dan inisiatif strategik (PTS). Data pemantauan ini TELAH dikumpul dan dianalisis. Hasil analisis data-data ini TELAH digunakan untuk penambahbaikan proses melibatkan kumpulan sasar dan digunakan dalam mesyuarat kaji semula pengurusan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20241\\_Lampiran 1.4a-d Terkini.pdf](#)
2. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20242\\_Lampiran 1.4e.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

#### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Risiko-risiko di dalam usaha pencapaian PI TELAH dikenalpasti semasa Bengkel Perancangan Strategik FSPPP. Ketiga-tiga PI dilihat memiliki kategori risiko utama yang sepunya iaitu kekangan dari segi kekangan kewangan dan juga masa kepada penghasilan dalam penapaian PI. Bagi fakulti yang bersifat sains sosial, indikasi bagi pencapaian PI untuk komersilan adalah berbeza bagi FSPPP . Antara faktor yang menyumbang kepada risiko utama ini adalah :

1. Kekurangan bilangan penerbitan berindeks dalam kalangan staf dan jumlah sitasi,
2. Bilangan geran penyelidikan berimpak tinggi yang rendah, dan (3) sokongan dalam ekosistem penyelidikan yang terbatas.

Bagi faktor risiko pertama (1), FSPPP TELAH mengambil LANGKAH penambahbaikan dengan menganjurkan program-program untuk mengasah kemahiran menulis artikel ilmiah. (rujuk lampiran 1.4.2a)

Sebagai usaha meningkatkan motivasi dalam kalangan staf, Pengurusan Kanan FSPPP turut memberikan pengiktirafan bagi meraikan staf yang berhasil memenuhi KPI penerbitan. (rujuk lampiran 1.4.2b)

Bagi faktor risiko kedua (2), Pengurusan Kanan FSPPP TELAH mengambil INISIATIF menganjurkan seminar penulisan kertas cadangan geran penyelidikan FRGS (Fundamental Research Grant Scheme) seperti A Winning FRGS Proposal.(rujuk lampiran 1.4.2c )

Sementara itu, bagi risiko ketiga (3), Pengurusan Kanan FSPPP TELAH mengambil beberapa TINDAKAN antaranya dengan menggiatkan usaha sama bersama kolaborator dari dalam dan luar negara. Bidang kepakaran yang boleh dimanfaatkan bersama telah dikenalpasti. Inisiatif ini dilaksanakan melalui penganjuran aktiviti seperti webinar dan persidangan contohnya 3rd International Research Network Initiative (IRNI) yang menggalakkan jaringan antarabangsa antara FSPPP dan institusi luar. FSPPP turut menghasilkan penerbitan bersama penyelidik daripada institusi pengajian tinggi yang telah memeterai memorandum persefahaman bersama. (rujuk lampiran 1.4.2d)

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan FSPPP bersama Unit Pengurusan Risiko FSPPP TELAH merancang tindakan pencegahan risikodengan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20241\\_Lampiran 1.4.2a-d.pdf](#)
2. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20242\\_lampiran 1.4.2b.pdf](#)
3. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20243\\_lampiran 1.4.2c.pdf](#)
4. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20244\\_lampiran 1.4.2d.pdf](#)
- 5.

### **1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Pengurusan Kanan FSPPP TELAH menganalisis hasil perancangan strategiknya secara berkala sebanyak dua kali setahun dan di bentangkan secara telus kepada semua warga melalui mekanisme rasmi iaitu mesyuarat akademik dan juga mesyuarat fakulti. Hasil analisis ini TELAH digunakan untuk tindakan penambahbaikan. Menerusi Perbincangan Pelan Perancangan Strategik FSPPP dan Mesyuarat Pengurusan FSPPP yang dijalankan secara berkala di mana semua data dan maklumat berkaitan TELAH dibentang dan dibincangkan oleh Pengurusan Kanan FSPPP untuk langkah penambahbaikan.

Hasil kajian semula telah mengenalpasti penambahbaikan-penambaikan terhadap hasil perancangan strategik sedia seperti berikut:

- Menganjur dan menyelaras program berteraskan perkongsian pengetahuan (seminar dan bengkel) bertemakan penyelidikan dan inovasi. (rujuk lampiran 1.4.3a)
- Melibatkan pakar-pakar bidang berkaitan sebagai panel dan penceramah dalam sesi perkongsian pengetahuan agar peserta diperkasakan dengan bimbingan dan panduan yang sewajarnya. (rujuk lampiran 1.4.3a)
- Memanfaatkan teknologi digital dengan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti secara atas talian untuk meningkatkan penyertaan dan aksesibilitas. (rujuk lampiran 1.4.3a)
- Penambaikan yang telah dikenalpasti di peringkat Pengurusan Kanan FSPPP TELAH dikongsikan bersama warga FSPPP melalui hebahan aktiviti-aktiviti BTU oleh Timbalan Dekan secara rasmi di dalam mesyuarat akademik dan mesyuarat pengurusan fakulti. (rujuk lampiran 1.4.3b)
- Pemakluman menerusi hebahan emel kepada warga FSPPP serta promosi aktiviti di laman web dan media sosial rasmi FF serta whatsapp fakulti. (rujuk lampiran 1.1d dan 1.5b)

Hasil penambahbaikan (1) TELAH meningkatkan prestasi FSPPP dengan kejayaan penyelaras program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. (rujuk lampiran 1.4.3c)

Sementara itu, hasil penambahbaikan (2) TELAH meningkatkan prestasi FSPPP dalam aspek pencapaian kecemerlangan. Ini telah dibuktikan kejayaan meraih pelbagai anugerah melalui pengiktirafan Tempat Kesepuluh dalam penerbitan jurnal tertinggi bagi gugusan Sains Sosial. Nilai perolehan geran penyelidikan FSPPP pada tahun 2023 turut memberangsangkan dengan mencatat nilai total RM 958,700.00 (rujuk lampiran 1.4.3d)

Manakala hasil penambahbaikan (3) TELAH meningkatkan prestasi FSPPP dalam aspek kebolehtampakan warga fakulti dengan penampilan kepakaran dari fakulti yang telah menyumbang penulisan di dalam akhbar aliran utama dan juga sebagai tetamu jemputan untuk rancangan ilmiah di media elektronik utama seperti RTM, Bernama, ASTRO dan juga radio. Sehubungan dengan itu, FSPPP telah menerima pengiktirafan dari pihak UiTM sendiri melalui anugerah kebolehtampakan ini. (rujuk lampiran 1.4.3e)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20241\\_Lampiran 1.4.3a-b.pdf](#)
2. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20242\\_Lampiran 1.4.3c-d.pdf](#)
3. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20243\\_Lampiran 1.4.3e.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pengurusan Kanan Fakulti membudayakan objektif dan pelan transformasi strategik (PTS) dengan melaksanakan komunikasi dan hebahan yang berkesan. Melalui Mesyuarat Fakulti yang oleh semua staf akademik, maklumat berkenaan objektif dan inisiatif strategik serta perkembangan PI bukan hanya dapat dipantau bahkan turut dapat disalur dan dihebahkan. (rujuk lampiran 1.5a)

Pemakluman program-program yang dilaksanakan di FSPPP dihebahkan kepada seluruh warga FSPPP melalui emel dan pemajuan mesej melalui aplikasi komunikasi sosial seperti whatsapp fakulti yang berjaya meraih penyertaan dan sokongan daripada warga FSPPP. (rujuk lampiran 1.1d)

Perkara ini membuktikan komitmen Pengurusan Kanan FSPPP dalam memberi maklum kepada warga FSPPP mengenai hala tuju FSPPP yang selaras dengan aspirasi UiTM. Melalui hebahan ini juga, warga FSPPP dapat didedahkan kepada kepentingan setiap warga dalam memainkan peranan mencapai matlamat Pelan Strategik UiTM 2025.

Selain itu, pemakluman yang lebih meluas mengenai aktiviti-aktiviti yang dirancangkan turut dilakukan melalui hebahan di media sosial dan laman web rasmi fakulti yang turut boleh diakses oleh semua dan tidak terhad kepada warga FSPPP sahaja. (rujuk lampiran 1.5b)

Justeru, melalui penggunaan platform maya ini, maklumbalas pelbagai pihak boleh diterima seterusnya menyediakan peluang agar penambahbaikan berterusan dapat dilakukan. Pengurusan Kanan FSPPP TELAH membuktikan kecemerlangan dalam pembudayaan objektif strategik dan PTS dengan pencapaian cemerlang 100% bagi petunjuk prestasi FSPPP 2022 yang melibatkan teras Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan. (rujuk lampiran 1.5c)

Komitmen Pengurusan Kanan FSPPP dalam pelan transformasi strategik (PTS) telah berjaya dimanifestasikan dengan pencapaian cemerlang fakulti dalam merangkul beberapa anugerah dalam Majlis Sanjung Sarjana UiTM 2023 antaranya adalah Tempat Kesepuluh dalam penerbitan jurnal tertinggi (gugusan Sains Sosial). (rujuk lampiran 1.4.3d)

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan FSPPP TELAH membudayakan plan transformasi strategik (PTS) yang telah dirancang dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan untuk dijalankan sehingga ke peringkat luar UiTM.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_K01\\_KB05\\_20241\\_Lampiran 1.5a-c.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

FSPPP memberikan perhatian yang khusus dalam menggembeleng tenaga menyediakan pelan tindakan berkaitan hal-ehwal penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Aktiviti dan program yang disediakan adalah selaras dengan Falsafah, Visi dan Misi serta Objektif UiTM, dan dilaksanakan selari dengan teras strategik, inisiatif utama dan petunjuk prestasi yang telah ditetapkan oleh UiTM. Diperingkat fakulti, pelan tindakan strategik yang berkaitan hal-ehwal bidang tumpuan boleh dirujuk di dalam Buku Perancangan Strategik FSPPP 2022 – 2025, sebagai mekanisme merencana aktiviti dan program yang menyokong KPI/Sasaran dalam bidang penerbitan, penyelidikan dan pengkomersilan. Berdasarkan Petunjuk Prestasi (PI) ini, FSPPP telah menyediakan pelan strategik yang mensasarkan hala tuju penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan ke arah kesejahteraan sosio ekonomi yang berimpak dan pengiktirafan global. Pelaksanaan PI berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan dilaksanakan melalui teras pelaksanaan dari tahun 2022-2025. Pelbagai pendekatan pelaksanaan telah dirangka dan dilaksanakan melalui pelbagai siri webinar, bengkel penulisan, dan perkongsian ilmu. Pihak FSPPP juga sentiasa memantau pelaksanaan dan pencapaian PI berkaitan secara berkala dan berterusan. Melalui portfolio Timbalan Dekan RICAEN, pencapaian PI berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan akan dipantau dan dibentangkan setiap 4 bulan. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi FSPPP dan Mesyuarat Akademik FSPPP merupakan platform utama pelaporan dan pemantauan pencapaian PI tersebut. Pihak FSPPP juga telah mengambil tindakan penambahbaikan secara berterusan dengan menambahbaik pelaksanaan program berkaitan PI penerbitan, penyelidikan dan pengkomersilan dengan melibatkan seluruh warga akademik FSPPP melalui pendekatan pembudayaan T.E.A.M (Together Everyone Achieve More). Ini menjadi asas pencapaian PI tersebut yang dilaksanakan secara kolektif dan menyeluruh.

## **2.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Perancangan Strategik FSPPP (2022-2025) telah menjadikan Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan sebagai salah satu bidang tumpuan fakulti. Bagi aspek penyelidikan dan pengkomersilan, ianya jelas digariskan dibawah "FSPPP 6 Strategic Thrust" seperti dibawah:

Strategi 1 - Empowering Network: Indikator sasaran ini adalah untuk menghasilkan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi dari tahun 2022-2025. Bagi memenuhi strategi ini, pelbagai bengkel penulisan, pemberian geran dalaman dan pemadanan geran penyelidikan telah dirancang dan disasarkan dibawah Pelan Strategi FSPPP bagi memenuhi PI 49, 50, 51, 53, 54, 55, 56, 57, 59, 61, 62, 63, 64, 65 dan 66. Sasaran FSPPP bagi tempoh 2022-2025 bagi tumpuan penyelidikan dan penerbitan adalah untuk melaksanakan 3 bengkel penulisan, menyediakan 12 geran dalaman atau geran padanan, menyediakan 13 bantuan kewangan bagi tujuan yuran penerbitan. Diantara program yang dicadangkan didalam pelan strategik FSPPP adalah CDP (1.0), CDP (2.0), RAC to RIG, KTP USRP, Ace of Glory, dan Smart Matching. Peranan ini diletakkan dibawah tanggungjawab koordinator penyelidik dengan cadangan implikasi kewangan sebanyak RM200 000.00.

Bagi mencapai PI ini, pihak fakulti telah menetapkan jangkamasa (Timeframe) pencapaian: a) Middle term bagi bengkel penulisan, geran dalaman dan geran padanan (PI049, PI050, PI051, PI053, PI054, PI055, PI056, PI057, PI059, PI061, PI062, PI063, PI064, PI065, PI066) b) Long term bagi padanan geran dan penerbitan berimpak tinggi (PI049, PI050, PI051, PI053, PI054, PI055, PI056, PI057, PI059, PI061, PI062, PI063, PI064, PI065, PI066)

Manakala bagi pengkomersilan, ianya termaktub dibawah Objektif Kualiti FSPPP (2022-2025) melalui tema "Excellence and innovation in teaching practice and research" yang menggalakkan para warga akademik menghasilkan pelbagai produk inovasi berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_P01\\_PB02\\_20241\\_FSPPP\\_2.2a\\_FSPPP STRATEGIC THRUST.pdf](#)
2. [F0064\\_P01\\_PB02\\_20242\\_FSPPP\\_2.2b\\_FSPPP STRATEGY 1.pdf](#)
3. [F0064\\_P01\\_PB02\\_20243\\_FSPPP\\_2.2c\\_FSPPP QUALITY OBJECTIVES 2022-2025.pdf](#)
4. [F0064\\_P01\\_PB02\\_20244\\_FSPPP\\_2.2d\\_FSPPP PI TIMEFRAME CHECKLIST.pdf](#)
- 5.

### **2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Objektif dan inisiatif strategik FSPPP bagi bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dilaksanakan dengan beberapa pendekatan:

- a) Penggubalan Perancangan Strategik FSPPP (2022-2025) dan Objektif Kualiti FSPPP (2022-2025) yang menerapkan elemen penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan sebagai salah satu sasaran fakulti. Pelaksanaanya disejajarkan dengan aspirasi universiti dimana ianya diselaraskan dengan visi, misi dan objektif UiTM.
- b) Teras dan strategi Pencapaian PI FSPPP berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan disejajarkan dengan pencapaian diperingkat universiti yang terkandung di dalam Perancangan Strategik FSPPP 2022-2025
- c) Tadbirurus pencapaian PI FSPPP berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan dilaksanakan secara efektif dibawah portfolio Timbalan Dekan RICAEN dengan dibantu oleh koordinator dan penyelaras yang dilantik. Hebah dan pemakluman pencapaian dan strategi pelaksanaan juga dilaksanakan secara berkala dan berterusan bagi mengukuhkan pembudayaan penyelidikan, penulisan dan pengkomersilan produk dalam kalangan warga akademik FSPPP. Timbalan Dekan RICAEN akan melaporkan pencapaian PI penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan semasa mesyuarat akademik FSPPP dan pelaporan akan dibuat setiap 4 bulan bagi tujuan pemantauan dan intervensi penambahbaikan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_P01\\_PB03\\_20241\\_FSPPP\\_2.3a\\_PENSEJAJARAN VISI UITM DAN PERANCANGAN STRATEGIK FSPPP 2022-2025 TERKIN1.pdf](#)
2. [F0064\\_P01\\_PB03\\_20242\\_FSPPP\\_2.3b SURAT LANTIKAN TIMBALAN DEKAN RICEAN.pdf](#)
3. [F0064\\_P01\\_PB03\\_20243\\_FSPPP\\_2.3c SURAT LANTIKAN KOORDINATOR PENYELIDIKAN FSPPP.pdf](#)
4. [F0064\\_P01\\_PB03\\_20244\\_FSPPP\\_2.3D\\_SURAT LANTIKAN PENYELARAS GERAN KESEPADANAN FSPPP.pdf](#)
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan berkaitan objektif, inisiatif, strategi dan pencapaian berkaitan PI penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan di FSPPP akan dilaksanakan oleh Timbalan Dekan RICAEN yang dibantu oleh Koordinator Penyelidikan dan Penyelaras. Mereka mempunyai pangkalan data khusus bagi memastikan semakan pencapaian PI dapat dilakukan secara berkala dan berterusan. Selain itu, Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PTSU) juga bertindak untuk melaporkan pencapaian PI di peringkat universiti dan membantu dalam pelaporan setiap PI sekiranya tidak selaras dengan rekod Koordinator/ Timbalan Dekan. Pelaporan ini dikongsi di dalam platform Whatsapp kumpulan yang terdiri dari Dekan, Timbalan Dekan dan Koordinator. Melalui pendekatan ini, intervensi awal dan penambahbaikan secara awal dapat dilaksanakan.

FSPPP juga menggunakan platform mesyuarat sebagai salah satu mekanisme pemantauan PI fakulti. Antaranya adalah Mesyuarat Pengurusan (Status Tindakan) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan Mesyuarat (MKSP) (perbincangan pencapaian PI). Pada masa yang sama, pelaporan PI berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan akan dibuat semasa mesyuarat akademik FSPPP. Justeru, warga FSPPP akan ambil maklum dan membantu mencapai PI yang masih belum teraih. Platform mesyuarat akademik ini juga memberikan ruang dan peluang kepada semua warga akademik FSPPP untuk memberikan cadangan penambahbaikan bagi strategi pencapaian PI berkaitan.

Pada masa yang sama, semua warga FSPPP juga dilibatkan didalam pelbagai webinar, kursus dan bengkel berkaitan penyelidikan, penulisan dan inovasi yang dianjurkan oleh pihak fakulti secara percuma. Warga FSPPP akan dilibatkan secara inklusif di dalam strategi pelaksanaan PI supaya pencapaiannya dapat dilaksanakan secara kolektif.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20241\\_FSPPP\\_2.4.1a\\_SENARAI GERAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN 2023 FSPPP.pdf](#)
2. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20242\\_FSPPP\\_2.4.1b\\_PETIKAN MINIT MESYUARAT PELAPORAN PI RICAEN.pdf](#)
3. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20243\\_FSPPP\\_2.4.1c SURAT TAWARAN GERAN DALAMAN FSPPP.pdf](#)
4. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20244\\_FSPPP\\_2.4.1d\\_SURAT KELULUSAN HARI KECEMERLANGAN FAKULTI 2023.pdf](#)
- 5.

## **2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pihak FSPPP telah mengenalpasti beberapa risiko yang boleh menjelaskan pelaksanaan dan pencapaian PI berkaitan penulisan dan penerbitan. Beberapa langkah pengurusan risiko tersebut juga telah diambil seperti berikut:

### **Risiko 1:**

- **Jenis Risiko:** Staf akademik mempunyai kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam menghasilkan penulisan dan penerbitan (cth: kemahiran penulisan manuskrip secara efektif dan pantas, kemahiran mencari jurnal berindeks yang tidak berbayar, perkembangan terkini kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) yang boleh membantu penulisan dll).
- **Langkah Pengurusan Risiko:** Pihak fakulti telah melaksanakan pelbagai siri webinar dan latihan yang mendedahkan pensyarah FSPPP dengan pengetahuan penerbitan (contoh – webinar mencari jurnal scopus/wos percuma, matching grants, paper machine dll)

### **Risiko 2:**

- **Jenis Risiko:** Pensyarah tidak bersedia dengan penghasilan produk inovasi apabila terdapat pertandingan inovasi (Cth: Ketiadaan produk untuk dipertandingkan, produk sedia ada tidak lengkap, produk tidak mempunyai harta intelek (*Intellectual Property*), kurang pendedahan berkaitan strategi memenangi anugerah dipertandingan inovasi).
- **Langkah Pengurusan Risiko:** .Pihak fakulti telah mendedahkan kepada para pensyarah FSPPP berkaitan proses inovasi yang lebih efektif. Poster ucapan tahniah dan hebatan dipelbagai platform juga sentiasa dibuat bagi menaikkan motivasi dan minat warga akademik untuk terlibat secara langsung dalam penghasilan produk inovasi. Hal ini terbukti telah berjaya pada tahun 2023 dimana sebanyak 38 produk inovasi telah dihasilkan oleh warga FSPPP dan telah berjaya memenangi pelbagai anugerah di pertandingan inovasi diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

### **Risiko 3:**

- **Jenis Risiko:** Para pensyarah kurang bermotivasi untuk membuat penulisan dan penerbitan disebabkan jam mengajar yang tinggi, tidak mempunyai cukup masa untuk membuat penulisan dan dibebani dengan tugas-tugas pentadbiran lain. Hal ini telah menyebabkan para pensyarah gagal menyediakan manuskrip yang berkualiti untuk diterbitkan dijurnal berwasit.
- **Langkah Pengurusan Risiko:** Pihak FSPPP telah memperkenalkan kempen dan slot "Jam Menulis Pensyarah" yang diberikan setiap hari Jumaat, 2:45 – 5:00 pm dengan hasrat memberikan ruang dan peluang para pensyarah untuk membuat penulisan bagi tujuan penerbitan. Pihak FSPPP juga memperkenalkan Geran Dalaman FSPPP bagi menggalakkan para pensyarah terlibat secara aktif dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan inovasi. Pada masa yang sama, pihak FSPPP telah menganjurkan persidangan International Conference on Public Policy and Social Science (ICoPS) 2023 yang merupakan program tahunan bagi memberikan peluang warga FSPPP terlibat dalam penerbitan (Rujuk Lampiran FSPPP\_2.4.2a).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20241\\_FSPPP\\_2.4.2a\\_POSTER DAN LINK VIDEO ICOPS 2023.pdf](#)
2. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20242\\_FSPPP\\_2.4.2b\\_SENARAI LATIHAN BAGI PENGURUSAN](#)

FSPPP.pdf

3. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20243\\_FSPPP\\_2.4.2c\\_SENARAI INOVASI 2023 FSPPP.pdf](#)
4. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20244\\_FSPPP\\_2.4.2d\\_SENARAI GERAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN 2023 FSPPP.pdf](#)
- 5.

## **2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Koordinator Penyelidik yang dilantik di bawah Timbalan RICAEN bertanggungjawab bagi mengkoordinasi pangkalan data pencapaian PI bagi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan FSPPP. Database tersebut menyimpan data pencapaian PI FSPPP secara keseluruhan, mengikut pensyarah dan mengikut kategori (Geran Penyelidikan, Penerbitan, Inovasi). Dari pelaporan tersebut, Timbalan RICAEN akan membuat pembentangan di mesyuarat tertinggi FSPPP dan mesyuarat akademik fakulti untuk pemakluman dan tindakan warga fakulti. Ini juga termasuk untuk memberikan justifikasi pencapaian fakulti kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) secara berkala. Dengan adanya pelaporan dan analisa tersebut, langkah-langkan intervensi dan penambahbaikan dengan lebih awal dapat diambil oleh pihak FSPPP bagi memastikan PI terbabit dapat dicapai sebelum tahun 2023 berakhir (Rujuk Lampiran)

Bagi mengkaji semula serta sebagai tindakan penambahbaikan (ACT) FSPPP berkaitan perancangan strategik dan PI penyelidikan dan penerbitan, pihak FSPPP juga telah melaksanakan pendekatan berikut:

- i) Perjumpaan bersama rakan industri secara berkala
- ii) Insentif penyelidikan (Research Publication Reward)
- iii) Pemerkasaan 4 Kluster Penyelidikan

Strategi bagi pelaksanaan Perancangan Strategik bagi PI berkaitan Penyelidikan, Penerbitan dan IPengkomersilan juga dikemaskini setiap tahun dengan meletakkan pelbagai pendekatan dan motto pelaksanaan sebagai intervensi bagi membolehkan PI tersebut dicapai.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20241\\_FSPPP\\_2.4.3a\\_SENARAI GERAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN 2023 FSPPP.pdf](#)
2. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20242\\_FSPPP\\_2.4.3b\\_SENARAI INOVASI 2023 FSPPP.pdf](#)
3. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20243\\_FSPPP\\_2.4.3c\\_PETIKAN MINIT MESYUARAT PELAPORAN PI RICAEN.pdf](#)
4. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20244\\_FSPPP\\_2.4.3d\\_FSPPP RICAEN 2022-2025 PLANNING.pdf](#)
- 5.

## **2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pemakluman berkaitan pencapaian PI FSPPP telah dijalankan secara berkala kepada warga fakulti sebagai salah satu aspek pembudayaan penulisan dan penerbitan. Melalui Mesyuarat Fakulti yang dilaksanakan setiap semester, Dekan dan Timbalan Dekan RICAEN akan membentangkan pencapaian PI berkaitan penulisan dan penerbitan yang dicapai oleh warga FSPPP (Rujuk Lampiran FSPPP\_2.5a). Pelaporan secara berkala ini dijalankan bagi membolehkan pihak fakulti dan warga akademik dimaklumkan berkaitan PI penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan yang telah tercapai serta tumpuan yang lebih dapat diberikan bagi usaha mencapai PI yang kurang memberangsangkan.

Poster ucapan tahniah juga akan sentiasa dikongsikan melalui platform media sosial (Whatsapp, Instagram dan Facebook rasmi Fakulti) bagi menghargai kejayaan warga FSPPP yang menyumbang kepada pencapaian PI tersebut. Warga FSPPP yang berjaya mendapat geran dari pelbagai agensi, membuat penulisan buku dan jurnal, serta memenangi pingat dianugerah inovasi akan dihargai. Ianya bertujuan untuk mengekalkan momentum warga FSPPP untuk terus menyumbang kepada pencapaian PI berkaitan penyelidikan dan penerbitan dan seterusnya menjadi inspirasi kepada warga akademik lain untuk turut memberikan sumbangan kepada PI tersebut. Hari Kecemerlangan Fakulti (HKF) juga diadakan setiap tahun bagi memberikan anugerah kepada warga FSPPP yang memberikan sumbangan besar berkaitan PI penyelidikan, penulisan dan pengkomersilainovasi.

Pihak FSPPP telah memperkenalkan pembudayaan motto T.E.A.M (**Together Everyone Achieve More**) yang memfokuskan kepada aspek yang berikut:

1. *Research Publication Reward (RPR)*
2. *Internal Grant & National Grant*
3. *International Grant*
4. *Smart Matching - Industrial and International University Grant*

Pembudayaan motto T.E.A.M bertujuan untuk menggalakkan warga FSPPP bergerak secara kolektif dalam mencapai PI berkaitan penyelidikan dan penerbitan. Moto lain yang mendukung pembudayaan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan di FSPPP bagi tahun 2023 adalah "ACE OF GLORY" DAN "FSPPP WE CARE". Pihak RICAEN FSPPP juga menjalankan Analisa keperluan setiap awal tahun untuk mengatur rancangan intervensi sepanjang tahun.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_P01\\_PB05\\_20241\\_FSPPP\\_2.5a\\_PETIKAN MINIT MESYUARAT PELAPORAN PI RICAEN.pdf](#)
2. [F0064\\_P01\\_PB05\\_20242\\_FSPPP\\_2.5b\\_POSTER UCAPAN TAHNIAH.pdf](#)
3. [F0064\\_P01\\_PB05\\_20243\\_FSPPP\\_2.5c\\_FSPPP RICAEN 2022-2025 PLANNING.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan perhubungan pelanggan merupakan proses kerja utama bagi memastikan keperluan pelanggan FSPPP berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan dapat dipenuhi dan berkualiti.

Perancangan FSPPP dalam pengurusan pelanggan diselaraskan dengan Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022-2025, Pelan Strategik UiTM 2025, serta Pelan Tindakan Strategik FSPPP 2022-2025. Perkara utama yang dilaksanakan dalam proses perancangan adalah pengenalpastian pelanggan FSPPP, iaitu pelanggan dalaman dan luaran. Tumpuan diberikan kepada penglibatan pelanggan dalaman dan luaran bagi mencapai kecemerlangan fakulti melalui penambahbaikan dalam penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan. FSPPP sentiasa melibatkan pelanggan sebagai pihak kepentingan utama dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti, dengan berkongsi pengetahuan dan maklumat melalui media massa, laman sesawang, webinar, MoU/MoA, dan aktiviti kemasyarakatan. Melalui pendekatan pengurusan pelanggan yang dinamik dan sistematik, ketampakan dan kesarjanaan FSPPP telah dipertingkatkan, sekaligus menyumbang kepada agenda transformasi UiTM.

Pengurusan perhubungan pelanggan di FSPPP adalah penting dalam memastikan pelanggan, termasuk staf akademik, pentadbiran, dan pihak luar, dapat menyampaikan maklum balas dengan mudah. Bagi pelaksanaan agenda pengurusan pelanggan dan maklum balas pelanggan, Fakulti menawarkan pelbagai saluran untuk maklum balas, daripada saluran tidak formal seperti komunikasi langsung kepada Koordinator Penyelidikan atau Koordinator MASMED, sehingga saluran formal melalui Mesyuarat Fakulti setiap semester dan sistem e-Aduan. Maklum balas juga dikumpulkan melalui kaji selidik UiTM Happiness Index dan media sosial rasmi. Analisis teliti terhadap maklum balas ini membantu dalam penambahbaikan berterusan perkhidmatan. Pemantauan pencapaian dilaksanakan melalui laporan PI dan mesyuarat pengurusan yang memastikan pencapaian sasaran dan KPI, manakala pemantauan kepuasan pelanggan termasuk penggunaan email dan kaji selidik untuk menilai tahap kepuasan dan mengenal pasti bidang untuk perhatian.

Pelaksanaan pengurusan perhubungan pelanggan di FSPPP dipantau dengan pengurusan risiko yang merupakan kunci untuk mencapai objektif, KPI, dan sasaran organisasi. Risiko termasuk kemungkinan terjebak dengan 'jurnal pemangsa', kekurangan pengetahuan staf mengenai penerbitan, dan masalah motivasi akibat beban kerja tinggi. FSPPP mengatasi risiko pencapaian objektif dengan mengemas kini senarai jurnal pemangsa, menggalakkan penulisan berkualiti, dan menawarkan sokongan melalui webinar dan waktu penulisan khusus. Untuk maklum balas pelanggan, fakulti menyediakan panduan serta memperbanyak program kerjasama. Insentif kewangan dan bengkel penyelidikan juga diberikan untuk meningkatkan kemahiran dan sokongan kewangan kepada pensyarah.

Tindakan penambahbaikan telah diambil oleh FSPPP bagi memperkuuh kedudukannya dalam penyelidikan dan penerbitan melalui inisiatif seperti FSPPP Writing Hours, dengan memberikan masa khusus untuk penulisan akademik, dan pelbagai webinar sokongan penyelidikan. Pada tahun 2023, fakulti berjaya menganjurkan International Conference on Public Policy and Social Sciences (ICoPS) bersama International University of Sarajevo, serta menjalin kolaborasi penyelidikan dengan pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa. Projek penyelidikan, pemberian dana, dan pengiktirafan kepada penyelidik juga menyokong kecemerlangan akademik dan meningkatkan kualiti penerbitan.



### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pelanggan FSPPP memainkan peranan yang besar sebagai tunggak kepada pencapaian agenda strategik fakulti dan UiTM. FSPPP memegang prinsip bahawa penglibatan pelanggan secara sistematis dan menyeluruh adalah amat penting dalam penghasilan penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan yang berkualiti serta berimpak tinggi. Prinsip ini dilaksanakan melalui perkongsian maklumat dan kepakaran dari pelbagai kategori pelanggan. Pengurusan pelanggan di FSPPP dilaksanakan mengikut kaedah PDCA (Plan-Do-Check-Act) (Jadual 3.1).

Berdasarkan definisi pelanggan dalam Manual Kualiti FSPPP, terdapat dua kategori pelanggan bagi fakulti, iaitu (1) pelanggan dalaman dan (2) pelanggan luaran (Rajah 3.1). Sehubungan dengan itu, dalam bidang Penyelidikan, Penerbitan, dan Pengkomersilan, pelanggan ditakrifkan sebagai pelanggan dalaman dan luaran di peringkat fakulti yang berurusan dengan pihak PJI berkaitan aktiviti penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan.

Pengurusan hubungan pelanggan adalah keutamaan FSPPP. Bahagian PJI FSPPP, diketuai oleh Timbalan Dekan RICAEN, berperanan sebagai pusat perhatian (focal point) serta pusat penghubungan (liaison center) antara pihak fakulti dan pelanggan luaran di dalam UiTM, termasuk Bahagian Transformasi Universiti (BTU), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Jaringan Industri, Komuniti, dan Alumni (ICAN), serta Pusat Pengkomersilan Syarikat Inovasi dan Teknologi (BITCOM). Selain itu, ia juga berfungsi sebagai penghubung kepada pelanggan luaran yang terdiri daripada pakar bidang, penyelidik, ahli perniagaan, dan pihak-pihak berkepentingan lain dari pelbagai institusi, agensi, dan industri (Rajah 3.1).

Pelanggan dalaman yang menerima perkhidmatan secara langsung dari pihak fakulti melalui inisiatif kepakaran dan penyeliaan penyelidikan pelajar termasuklah staf akademik, kakitangan pentadbiran, dan pelajar (pra-siswazah dan pasca-siswazah) (Jadual 3.2). Perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan dalaman adalah penting bagi membantu serta menyokong mereka dalam usaha untuk mencapai matlamat fakulti dan UiTM dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Sokongan ini merangkumi bimbingan penyelidikan, penyeliaan pelajar, akses kepada sistem penyelidikan dalaman UiTM, dan peluang kerjasama penyelidikan serta permohonan geran.

Di samping memberi penekanan kepada kepuasan hati pelanggan dalaman, FSPPP turut memberi tumpuan kepada perkhidmatan untuk pelanggan luaran. Kerjasama dengan pelanggan luaran adalah penting bagi memperkuuh hubungan strategik dan memperluas jaringan dengan pihak luar. Ahli akademik, penyelidik dan pakar dari universiti luar, industri, agensi kerajaan dan masyarakat (komuniti dan alumni) adalah pelanggan luar yang telah mendapat manfaat daripada peranan FSPPP sebagai rakan kolaboratif dalam projek penyelidikan bersama (Jadual 3.3). Kolaborasi penyelidikan dengan pelanggan luaran telah diperkembangkan secara tidak langsung kerjasama kepakaran, seperti jemputan ke sesi perkongsian ilmu, teknologi, dan seminar penyelidikan.

Usaha kolaborasi dengan pihak luar ini telah meningkatkan reputasi FSPPP sebagai salah satu fakulti yang memberi sumbangan besar kepada pencapaian petunjuk prestasi yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_T01\\_TB02\\_20241\\_Lampiran Jadual 3.1.pdf](#)
2. [F0064\\_T01\\_TB02\\_20242\\_Lampiran Rajah 3.1.pdf](#)
3. [F0064\\_T01\\_TB02\\_20243\\_Lampiran Jadual 3.2.pdf](#)
4. [F0064\\_T01\\_TB02\\_20244\\_Lampiran Jadual 3.3.pdf](#)
- 5.

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

FSPPP komited dalam memahami keperluan pelanggan melaui pelbagai kaedah, termasuk maklum balas pelanggan dan interaksi langsung. Kualiti perkhidmatan dipertingkatkan dari semasa ke semasa berdasarkan maklumat dan maklum balas pelanggan mengenai akses dan penggunaan kemudahan, sokongan penyelidikan, dan prospek kerjasama dengan pihak luar. Bagi memastikan amalam pengurusan pelanggan FSPPP ysng baik, pengurusan maklumat pelanggan dilaksanakan secara sistematis melalui sistem yang diwujudkan pada peringkat universiti bagi urusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Proses mengumpul, menyusun, melindungi dan menyimpan data pelanggan dalaman (staf dan pelajar) dilakukan melalui sistem UiTM EXPERT, PRIME, iRMIs, UPTTRACKS dan SIMS (Rajah 3.4).

Koordinator Penyelidikan, Koordinator ICAN, Koordinator MASMED dan Timbalan Dekan PJI komited dalam melaksanakan komunikasi berkesan, termasuk penyampaian maklumat yang jelas dan terkini. Maklumat berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan yang dikeluarkan oleh bahagian, unit, jabatan dalaman UiTM atau organisasi luar disebarluaskan kepada pelanggan dalaman melalui aplikasi Whatsapp atau emel rasmi. Bagi penyebaran maklumat terkini berkaitan penyelidikan, inovasi dan pengkomersial kepada pelanggan luaran, FSPPP telah menggunakan laman web serta media sosial rasmi FSPPP (Rajah 3.6).

Antara perkhidmatan melalui sistem yang wujud bagi menyokong aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan termasuklah perisian komputer, sistem BSU untuk tempahan ruang/lab, pengkalan data UiTM, PRIME, iRMIs, NILAMS dan sebagainya. Pada asasnya, UiTM telah membangunkan beberapa sistem bagi memudahkan pengumpulan dan penganalisaan data melibatkan PI ICAN. Melalui sistem-sistem tersebut, data seperti penerbitan, MoU/MoA, geran, kolaborasi, serta pelanggan yang terlibat dapat direkodkan dan dianalisis dengan lebih tepat.

Semua data yang dilaporkan akan dikeluarkan oleh pihak ICAN induk (UiTM Shah Alam) setiap sukuan untuk disahkan oleh pihak Fakulti. Data setiap sukuan direkodkan oleh Koordinator ICAN untuk rujukan dan penambahbaikan serta bagi input laporan tahunan FSPPP yang disampaikan kepada semua warga FSPPP melalui Mesyuarat Fakulti (Rajah 3.5).

Bagi meningkatkan ketampakan FSPPP, satu inisiatif telah diambil untuk mengumpulkan maklumat pakar bidang melalui Borang Media Talent Visibility bagi membantu mengenalpasti pakar bidang yang berpotensi untuk melonjakkan ketampakan fakulti melalui penyelidikan, penerbitan serta inovasi (Rajah 3.2). Hasil daripada maklumat yang ada, pihak fakulti telah meningkatkan peluang pakar-pakar dari fakulti untuk berhubung dan mencipta jaringan dengan pihak media bagi perkongsian ilmu, penulisan dan temubual melalui media massa. Dengan usaha ini, FSPPP telah memenangi tempat pertama bagi Anugerah Transformasi Kecemerlangan Ketampakan UiTM 2023 pada Hari Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2023) (Rajah 3.3).

Pelbagai strategi telah dibangunkan untuk melibatkan kesemua pelanggan FSPPP dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan bagi memanfaatkan kepakaran dan sumber yang ada di dalam dan luar UiTM. Bagi memperkasakan jaringan, budaya penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan dalam kalangan pelanggan dalaman dan luaran serta memperkuuhkan hubungan dengan pelanggan, beberapa program yang telah dirancang telah dilaksanakan termasuklah pemerkasaan penglibatan komuniti dan industri, meningkatkan penglibatan industri dalam aktiviti pelajar dan staf, dan kerjasama pintar (smart partnership) dengan universiti antarabangsa. Maklum balas pelanggan bagi setiap program yang telah dijalankan juga dikumpul melalui borang kehadiran yang diberikan kepada peserta (Rajah 3.4).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_T01\\_TB03\\_20241\\_Lampiran Rajah 3.4.pdf](#)
2. [F0064\\_T01\\_TB03\\_20242\\_Lampiran Rajah 3.6.pdf](#)
3. [F0064\\_T01\\_TB03\\_20243\\_Lampiran Rajah 3.5.pdf](#)
4. [F0064\\_T01\\_TB03\\_20244\\_Lampiran Rajah 3.2.pdf](#)
5. [F0064\\_T01\\_TB03\\_20245\\_Lampiran Rajah 3.3.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan perhubungan pelanggan dan aduan adalah elemen penting dalam memastikan pelanggan dapat menyampaikan maklum balas atau masalah mereka dengan mudah. Di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP), kepentingan menyelesaikan isu dengan cepat dan efektif adalah satu keutamaan.

Pelanggan, termasuk staf akademik, pentadbiran, dan pihak luar, mempunyai pelbagai saluran untuk menyampaikan maklum balas mengenai perkhidmatan penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan. Maklum balas ini boleh disampaikan secara tidak formal kepada Koordinator Penyelidikan atau melalui platform formal seperti Mesyuarat Fakulti (Rajah 3.7) yang diadakan setiap semester. Pemantauan maklum balas pelanggan melalui mesyuarat yang melibatkan staf FSPPP telah membolehkan fakulti mendapatkan maklum balas berterusan yang membolehkan fakulti mengenalpasti isu-isu berkaitan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan untuk penambahbaikan.

Selain itu, FSPPP turut menyediakan saluran lain seperti sistem e-Aduan, emel, dan media sosial rasmi fakulti. Kaji selidik UiTM Happiness Index (Rajah 3.8) yang diisi oleh pensyarah juga digunakan untuk mendapatkan maklum balas dan mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan. Semua maklum balas yang diterima dianalisis untuk memastikan perkhidmatan berkualiti dan penambahbaikan berterusan.

Pemantauan perancangan fakulti dilaksanakan melalui taklimat dari Dekan serta laporan Target PI oleh Bahagian Teknologi Universiti (BTU). Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (Rajah 3.9) turut diadakan untuk membincangkan pencapaian serta langkah yang perlu diambil untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Sistem Star (Rajah 3.10) digunakan untuk memantau latihan dan pembangunan staf, dengan Pegawai Eksekutif Pentadbiran FSPPP bertanggungjawab menyelia sistem ini. FSPPP menekankan pemantauan input dan output dalam perancangan operasinya, memastikan keberkesanan dan pencapaian matlamat strategik fakulti.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20241\\_Lampiran Rajah 3.7.pdf](#)
2. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20242\\_Lampiran Rajah 3.8.pdf](#)
3. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20243\\_Lampiran Rajah 3.9.pdf](#)
4. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20244\\_Lampiran Rajah 3.10.pdf](#)
- 5.

### **3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP), pelbagai risiko dikenal pasti yang boleh menjelaskan pelbagai aspek operasi, termasuk pencapaian objektif, pengurusan sumber manusia, maklum balas pelanggan, dan pengurusan operasi. Pengurusan risiko yang berkesan adalah penting bagi memastikan fakulti dapat terus berfungsi dengan optimum. Antara risiko-risiko dikenalpasti:

#### **1. Risiko terhadap Objektif/KPI/Sasaran**

Pencapaian KPI yang mencabar boleh membawa risiko kepada ahli akademik. Salah satu risiko utama ialah kemungkinan terjebak dengan 'jurnal pemangsa' (Rajah 3.11). Selain itu, insentif untuk penulisan akademik sering kali bergantung kepada kedudukan kewangan fakulti, yang boleh mempengaruhi motivasi pensyarah. Gangguan emosi juga mungkin berlaku di kalangan pensyarah yang gagal mencapai KPI, boleh menjelaskan kualiti kerja dan kesejahteraan mereka.

#### **2. Risiko terhadap Objektif/KPI/Sasaran**

Kekurangan pengetahuan staf mengenai penerbitan merupakan satu lagi risiko yang perlu diberi perhatian (Rajah 3.12). Ini boleh mengakibatkan produk yang tidak lengkap apabila menyertai pertandingan inovasi, yang seterusnya menjelaskan reputasi fakulti. Beban kerja (Rajah 3.11) yang tinggi juga boleh menyebabkan motivasi yang lemah di kalangan staf, yang boleh menjelaskan produktiviti dan kualiti hasil kerja mereka.

#### **3. Risiko terhadap Maklum Balas Pelanggan**

Bilangan penerbitan berimpak tinggi dan jurnal beranking QS (Rajah 3.13) yang belum mencapai target juga menimbulkan risiko kepada reputasi fakulti. Kekurangan bilangan polisi atau pembangunan standard boleh menjelaskan keupayaan fakulti untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Tambahan pula, kekurangan Memorandum Persefahaman (MOA) baru (Rajah 3.13) dengan rakan tempatan juga boleh mengehadkan peluang untuk kolaborasi dan pertumbuhan.

#### **4. Risiko terhadap Pengurusan Sumber Manusia**

Dalam aspek pengurusan sumber manusia, kekurangan pemimpin berkaliber untuk jawatan pentadbiran akademik adalah satu isu kritikal (Rajah 3.14). Isu pembangunan kerjaya dan kenaikan pangkat staf pentadbiran juga boleh menjelaskan moral dan motivasi pekerja. Selain itu, ketidakcukupan staf pentadbiran di gred N29 dan N48 menambah beban kerja, yang boleh menjelaskan kualiti perkhidmatan. Kurangnya penerapan etika kerja dalam perkhidmatan juga menimbulkan risiko terhadap budaya kerja yang produktif dan harmoni.

#### **5. Risiko terhadap Pengurusan Operasi**

Akhirnya, dalam pengurusan operasi, kekangan kewangan dan masa adalah dua cabaran utama yang boleh menghalang pencapaian objektif fakulti (Rajah 3.15). Kekurangan pengetahuan mengenai peluang penyelidikan dan penerbitan juga boleh menjelaskan keupayaan fakulti untuk berkembang dan meningkatkan reputasinya di peringkat global.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20241\\_Lampiran Rajah 3.11.pdf](#)
2. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20242\\_Lampiran Rajah 3.12.pdf](#)
3. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20243\\_Lampiran Rajah 3.13.pdf](#)
4. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20244\\_Lampiran Rajah 3.14.pdf](#)



### **3.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) telah berusaha untuk memperkuuh program kolaborasi melalui Memorandum Persefahaman (MOU) dan Memorandum Perjanjian (MOA) secara berterusan. Antara tindakan-tindakan penambahbaikan adalah:

1. Kesedaran terhadap ‘jurnal pemangsa’ (Rajah 3.11) merupakan satu langkah kritikal, di mana senarai jurnal ini dikemas kini oleh RICAEN dan PTAR untuk memastikan pensyarah lebih berhati-hati. Selain itu, fakulti menggalakkan kerjasama dalam penulisan akademik melalui kumpulan sokongan, yang membantu pensyarah menulis kajian berkualiti. Budaya penulisan yang berkualiti juga ditekankan tanpa bergantung sepenuhnya kepada ganjaran kewangan. Untuk mengatasi gangguan emosi yang mungkin dialami oleh pensyarah, pengurusan tertinggi fakulti memberi perhatian serius melalui perbincangan dan semakan berkala.
2. FSPPP telah memperkenalkan webinar penerbitan yang memberi pendedahan kepada pensyarah mengenai penerbitan, termasuk jurnal Scopus/WoS percuma dan matching grants (Rajah 3.12). Pengurusan masa dan inovasi juga diutamakan, dengan proses yang lebih efektif diterapkan kepada pensyarah untuk memastikan hasil yang berkualiti. Untuk memastikan pensyarah mempunyai masa yang mencukupi untuk penulisan akademik, fakulti telah menetapkan Jam Menulis Pensyarah setiap Jumaat dari 2:45 hingga 5:00 petang (Rajah 3.12).
3. Webinar penerbitan yang diadakan tentang pencarian jurnal berimpak percuma dan pengenalan kepada alat penulisan seperti Paper Machine (Rajah 3.13) . Pensyarah digalakkan untuk menulis kertas polisi yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Fakulti juga memperbanyakkan program kerjasama dengan industri dan kerajaan melalui MOU/MOA (Rajah 3.13) untuk meningkatkan hubungan dan kolaborasi strategik.
4. FSPPP telah mencadangkan pelan penggantian pentadbir akademik untuk memastikan kesinambungan kepimpinan (Rajah 3.14). Latihan dan sokongan khusus juga diberikan kepada staf pentadbiran untuk meningkatkan kecekapan kerja mereka. Bagi memastikan kekosongan jawatan yang kritikal diisi, fakulti telah mengemukakan surat permohonan pengisian jawatan dalam anggaran Belanjawan 2024. Untuk memupuk nilai dan etika di kalangan warga fakulti, program Wacana Integriti dan promosi Kod Nilai dan Etika Warga UiTM (2019) telah dilaksanakan.
5. Insentif bantuan kewangan diberikan sebagai motivasi kepada pensyarah untuk penyelidikan dan penerbitan. Fakulti juga menganjurkan bengkel dan kursus penerbitan serta penyelidikan untuk meningkatkan kemahiran staf. Selain itu, webinar mengenai teknik permohonan geran dan dana penyelidikan diadakan untuk memastikan pensyarah mendapat pengetahuan yang diperlukan bagi mendapatkan sokongan kewangan untuk projek mereka (Rajah 3.15).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20241\\_Lampiran Rajah 3.11.pdf](#)
2. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20242\\_Lampiran Rajah 3.12.pdf](#)
3. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20243\\_Lampiran Rajah 3.13.pdf](#)
4. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20244\\_Lampiran Rajah 3.14.pdf](#)
5. [F0064\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20245\\_Lampiran Rajah 3.15.pdf](#)

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Tahun 2023 menyaksikan beberapa pencapaian penting yang bukan sahaja meningkatkan kualiti penyelidikan, tetapi juga memperluas jaringan kolaborasi dengan institusi tempatan dan antarabangsa. Dari program penulisan hingga penganjuran persidangan antarabangsa, FSPPP terus komited dalam mencapai kecemerlangan akademik dan memperkasa warga fakulti untuk menghasilkan karya berkualiti tinggi. Antara integrasi yang dilakukan:

1. Program FSPPP Writing Hours (Rajah 3.16) merupakan salah satu inisiatif penting yang diperkenalkan oleh RICAEN untuk menyokong dan memperkasakan aktiviti penulisan serta penerbitan di kalangan warga fakulti. Program ini diadakan setiap Jumaat dari jam 2:45 petang hingga 5:00 petang, menyediakan masa khusus selama 2 jam 15 minit untuk pensyarah dan penyelidik memberi tumpuan sepenuhnya kepada penulisan akademik dan penerbitan.
2. Bagi menyokong aktiviti penyelidikan, FSPPP telah menganjurkan pelbagai webinar yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga fakulti. Antara webinar yang dianjurkan adalah Taklimat FRGS 2024, yang memberikan panduan terperinci mengenai permohonan geran FRGS, dan Paper Machine, yang menawarkan platform untuk membantu penulis dalam proses penulisan dan penerbitan artikel. Selain itu, siri webinar Research in Action (Scopus and ERA Series) memberikan tumpuan kepada strategi untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks Scopus dan ERA (Rajah 3.16) .
3. Projek JAS ke SCOPUS, bertujuan memastikan penerbitan dalam jurnal berindeks SCOPUS. Selain itu, FSPPP menyediakan dana melalui FSPPP Internal Research Grant (FIRG) dan FSPPP Research Collaboration Grant (FRCG) untuk menyokong penyelidikan dalaman dan kerjasama dengan rakan kongsi luar. Fakulti juga memberikan ganjaran dan mengiktiraf kejayaan penyelidik melalui FSPPP Research Publication Reward 2023 (Rajah 3.16) .
4. FSPPP telah menjalin pelbagai kolaborasi penyelidikan dan penerbitan dengan Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Institut Masa Depan Malaysia (MASA), Maybank, dan lain-lain. Di peringkat antarabangsa, fakulti telah bekerjasama dengan Universitas Airlangga di Indonesia dan Shahjalal University of Science and Technology di Bangladesh (Rajah 3.17) .
5. Penganjuran International Conference on Public Policy and Social Sciences (ICoPS) 2023, yang diadakan dengan kerjasama International University of Sarajevo (IUS), Bosnia dan Herzegovina. Persidangan ini telah menarik penyertaan dari para penyelidik dan sarjana di seluruh dunia, dengan 70 kertas penyelidikan dibentangkan. Acara ini telah menjadi platform penting untuk perkongsian ilmu dan idea (Rajah 3.16).
6. FSPPP telah menjadi pengajur bagi persidangan The 13th International Malaysian Studies Conference (MSC13) bersama-sama dengan Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM), Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) dan Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) pada 15-16 Ogos 2023 (Rajah 3.19).

Selain itu, hasil hubungan yang erat antara FSPPP dengan rakan industri, beberapa aktiviti telah dijalankan dan memorandum persefahaman telah ditandatangani bagi memperkuuh hubungan strategik bersama rakan industri (Rajah 3.18).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_T01\\_TB05\\_20241\\_Lampiran Rajah 3.16.pdf](#)
2. [F0064\\_T01\\_TB05\\_20242\\_Lampiran Rajah 3.17.pdf](#)
3. [F0064\\_T01\\_TB05\\_20243\\_Lampiran Rajah 3.18.pdf](#)
4. [F0064\\_T01\\_TB05\\_20244\\_Lampiran Rajah 3.19.pdf](#)
- 5.



## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan di FSPPP menjadi teras kedua terpenting selepas pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan sumbangan FSPPP ke arah pencapaian visi dan misi UiTM di mana **FSPPP memberi sepenuh komitmen dalam menghasilkan penyelidikan berimpak dan membantu UiTM menjadi universiti terkemuka di dunia**. Kecemerlangan FSPPP dalam bidang tumpuan sedikit sebanyak bergantung kepada kecekapan proses pengukuran, penganalisaan, dan pengurusan pengetahuan. Data dan maklumat bagi bidang tumpuan amat penting dalam mengatur strategi, mengenal pasti risiko dan membuat penambahbaikan bagi meningkatkan prestasi pencapaian bidang tumpuan.

**(Plan)** Perancangan FSPPP dalam bidang tumpuan berdasarkan pengukuran dan analisa data menggunakan **Model Analisa Data Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkomersilan (ADP)**. Model ini memberi fokus kepada **3 entiti utama iaitu: staf, unit RICAEN dan Fakulti**. Melalui model ini setiap individu di dalam organisasi memberi peranan sedikit sebanyak dalam menjayakan bidang tumpuan.

Aktiviti perancangan dimulai dengan data yang diperolehi bagi perancangan strategik bidang tumpuan melalui template *Strategic Action Plan* (SAP) dan penunjuk prestasi (PI) bidang tumpuan yang dipertanggungjawabkan kepada Unit RICAEN. Bagi individu staf di FSPPP, data direkodkan dalam sistem MYATP, IRMIS dan PRIME membantu Unit RICAEN untuk menilai tahap penglibatan staf dalam bidang tumpuan. Pelaporan secara berkala membantu usaha penambahbaikan dapat dijalankan dari masa ke semasa. Manakala, Fakulti memainkan peranan yang penting untuk memberi galakkan pencapaian bidang tumpuan melalui 3 kaedah iaitu: **peruntukan kewangan, anugerah/pengiktirafan, dan hebatan pencapaian**.

**(Do)** Pelaksanaan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan FSPPP adalah sejajar dengan Model ADP yang menjadi teras bagi menilai keberhasilan bidang tumpuan. Pelaksanaan dijalankan dengan menilai **jumlah geran-geran penyelidikan** yang diperolehi di peringkat nasional, industri dan antarabangsa; **jumlah corresponding authors**; **bilangan penerbitan** (buku, surat khabar, jurnal indeks/bukan berindeks); **bilangan penglibatan staf di pertandingan inovasi dan pengkomersilan**. Tatacara dan proses pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan yang sistematik telah dilaksanakan bagi meningkatkan pencapaian bidang tumpuan.

**(Check)** Pemantauan bidang tumpuan dijalankan secara sistematik dan berkala oleh pelbagai pihak di FSPPP. Pemantauan yang menyeluruh melibatkan beberapa kaedah atau instrumen iaitu: **pembentangan pelaporan** oleh Penyelaras Perancangan Strategik FSPPP, **pemantauan secara berkala** oleh Koordinator Penyelidikan, serta **bidang tumpuan menjadi sebahagian agenda mesyuarat** di beberapa siri mesyuarat di peringkat Fakulti (Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Kaji Selidik Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Fakulti, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan, Mesyuarat RICAEN dll).

**(Act)** Hasil pemantauan yang bersistematis dan proaktif melalui proses mengenalpasti risiko melibatkan beberapa utama iaitu **pengenalan risiko, penilaian risiko, pemantauan risiko, penilaian berterusan dan strategi penambahbaikan**. Risiko bidang tumpuan dibahagikan kepada risiko dalaman dan luaran. Sub-risiko dalaman diklasifikasikan kepada risiko operasi, kewangan dan sumber manusia. Strategi penambahbaikan yang telah dilaksanakan merangkumi **peer support groups, insentif penyelidikan, (FSPPP RICAEN publication reward), penglibatan rakan penyelidikan daripada institusi luar serta inisiatif penerbitan buku hasil penyelidikan bersama pihak industri**.

## **4.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

FSPPP amat menitikberatkan peranan dan sumbangan organisasi dan individu dalam bidang tumpuan iaitu penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan. Ia dapat dilihat melalui **Model Analisa Data Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkormersialan (ADP)** seperti di Rajah 4.2.1. Kaedah ini dilihat dapat mengukur tahap prestasi unit RICAEN FSPPP terutamanya sub-unit penyelidikan dan penerbitan, staf akademik, Fakulti dan universiti keseluruhannya.

**Model ADP** ini merangkumi 3 fokus utama untuk perancangan, pelaksanaan dan pemantauan iaitu **staf, unit RICAEN dan Fakulti**. Perancangan FSPPP dalam mengukur bidang tumpuan adalah dirangka pada setiap awal tahun melalui **bengkel perancangan strategik** dalam menetapkan elemen penting yang harus diberi penekanan oleh setiap individu staf akademik atau pensyarah, unit yang bertanggungjawab dalam merangka program, aktiviti, inisiatif bagi bidang tumpuan dan akhir sekali iaitu peranan fakulti dalam memastikan sumbangan FSPPP dalam mencapai hasrat universiti menjadi **Globally Renowned University 2025 (GRU 2025)** (Rajah 4.2.2).

**Model ADP** melalui pengukuran pencapaian prestasi individu staf akademik di fakulti menggunakan instrumen pelaporan dan perekodan data penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan di beberapa sistem utama UiTM. Sistem pelaporan dan perekodan maklumat individu bagi bidang tumpuan di **sistem MYATP, PRIME dan IRMIS**. Setiap individu staf akademik adalah digalakkan untuk menjadi sekurang-kurangnya satu (1) corresponding author setiap tahun.

Manakala, **Model ADP** bagi pencapaian prestasi unit RICAEN untuk sub-unit penyelidikan diukur melalui data pencapaian **Strategic Action Plan (SAP)** dan **Penunjuk Prestasi (PI)**. Setiap program atau aktiviti dalam Strategic Action Plan (SAP) dirangka oleh Unit RICAEN yang diketuai oleh Timbalan Dekan PJI, koordinator dan penyalaras dijalankan pada awal tahun. Bagi mengukur tahap kecemerlangan fakulti dalam bidang tumpuan, Bahagian Transformasi Universiti (BTU) telah menetapkan beberapa penunjuk prestasi yang perlu dicapai pada setiap tahun. Instrumen yang digunakan adalah **pelaporan pencapaian PI bulanan** oleh Penyalaras STU (PSTU) FSPPP, dan **pelaporan pencapaian PI tahunan** oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dan **i-SCORE UiTM** (Rajah 4.2.3).

**Model ADP** juga digunakan oleh fakulti secara keseluruhannya dalam meningkatkan pencapaian dan ketampakan FSPPP dalam bidang tumpuan. Tiga (3) fokus utama yang menjadi amalan adalah penekanan dari aspek **peruntukan kewangan, anugerah/pengiktirafan, dan hebahan pencapaian**. FSPPP memastikan terdapat **peruntukan kewangan** yang mencukupi dalam merancakkan aktiviti penerbitan, penyelidikan, dan pengkomersialan (Rajah 4.2.4). Selain itu, **anugerah/pengiktirafan** diberikan kepada staf akademik fakulti yang menunjukkan prestasi cemerlang bagi bidang tumpuan (Rajah 4.2.5). Serta hebahan pencapaian bagi penerbitan melalui poster, WhatsApp group, media sosial, dan laman sesawang dapat meningkatkan motivasi dan kepakaran ahli akademik fakulti.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_A01\\_AB02\\_20241\\_Lampiran Rajah 4.2.1.pdf](#)
2. [F0064\\_A01\\_AB02\\_20242\\_Lampiran Rajah 4.2.2.pdf](#)
3. [F0064\\_A01\\_AB02\\_20243\\_Lampiran Rajah 4.2.3.pdf](#)
4. [F0064\\_A01\\_AB02\\_20244\\_Lampiran Rajah 4.2.4.pdf](#)
5. [F0064\\_A01\\_AB02\\_20245\\_Lampiran Rajah 4.2.5.pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

FSPPP merupakan antara fakulti sains sosial di UiTM yang menempa nama dengan pencapaian yang amat baik dalam mendapatkan **geran-geran penyelidikan di peringkat nasional dan industri** untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan sains sosial seperti polisi awam, pentadbiran awam dan korporat, tingkahlaku organisasi, sains politik dan lain-lain (Rajah 4.3.1). Pelaksanaan Model ADP menjadi agenda yang penting bagi FSPPP dalam memastikan setiap perancangan yang dibuat melalui SAP dan Model ADP dapat memberi impak yang tinggi dalam mencapai objektif kualiti FSPPP dan memacu kecemerlangan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan warga UiTM secara amnya. Justeru, ia dapat mencapai visi dan misi UiTM serta merealisasikan agenda Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk merancakkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan dikalangan warga universiti samada di peringkat nasional dan antarabangsa.

Pelaksanaan Model Analisa Data Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkomersialan (ADP) yang mengfokuskan kepada komponen penilaian utama iaitu: staf, unit dan fakulti diperluaskan fungsinya agar lebih jelas dan berkesan. **Tatacara dan proses yang terperinci** yang dijalankan oleh unit RICAEN bagi memastikan data berkaitan bidang tumpuan dapat dikumpul boleh dilihat seperti di Rajah 4.3.2. Unit RICAEN dan pengurusan kanan Fakulti sentiasa bekerjasama dalam memastikan penunjuk prestasi (PI) jabatan dapat dicapai. Tambahan, unit RICAEN dan pengurusan kanan FSPPP memastikan **bidang tumpuan menjadi budaya dan amalan** oleh setiap staf akademik FSPPP. Sebagai contoh, penglibatan staf di pertandingan inovasi dan pengkomersialan dapat meningkatkan inovasi berasaskan penyelidikan dan meningkatkan ketampakan staf UiTM di peringkat nasional dan antarabangsa (Rajah 4.3.3).

Data penerbitan daripada **sistem PRIME** yang dapat dikumpul adalah merangkumi **bilangan staf di Fakulti, bilangan corresponding author, peratusan corresponding author, kategori penerbitan, jumlah penerbitan berindeks** (Rajah 4.3.4). Manakala, setiap staf akademik juga diingatkan untuk memaklumkan kepada koordinator penyelidikan bagi aktiviti Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkomersilan agar hebahan atau poster pencapaian/pengiktirafan dapat dilaksanakan oleh koordinator korporat. Manakala, bidang tumpuan juga diletakkan sebagai sebahagian fokus utama dalam penilaian sasaran kerja tahunan staf di **MYATP**.

**Pengurusan data geran nasional, industri dan antarabangsa yang diperolehi perlu dilaporkan oleh ketua projek di sistem IRMIS** agar maklumat dapat direkodkan dan disalurkan terus ke sistem MYATP. Penawaran geran dalaman fakulti juga ditawarkan oleh Unit RICAEN dan pendatran geran tersebut dibuat oleh unit RICAEN di RMC UiTM untuk didaftarkan di sistem IRMIS. **Surat tawaran geran dalaman Fakulti direkodkan** oleh unit RICAEN bagi urusan pelaporan dan pemantaun setiap tahun di mesyuarat Fakulti. FSPPP juga memberi galakkan kepada staf untuk membuat perkongsian dan **penerbitan di media massa, surat khabar dan makalah** bagi meningkatkan ketampakan fakulti dan UiTM (Rajah 4.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_A01\\_AB03\\_20241\\_Lampiran Rajah 4.3.1.pdf](#)
2. [F0064\\_A01\\_AB03\\_20242\\_Lampiran Rajah 4.3.2.pdf](#)
3. [F0064\\_A01\\_AB03\\_20243\\_Lampiran Rajah 4.3.3.pdf](#)
4. [F0064\\_A01\\_AB03\\_20244\\_Lampiran Rajah 4.3.4.pdf](#)
5. [F0064\\_A01\\_AB03\\_20245\\_Lampiran Rajah 4.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan aktiviti penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan serta keberhasilan dalam mencapai penunjuk prestasi dijalankan secara konsisten oleh **Unit RICAEN FSPPP**. Data dikumpul menerusi pelaporan data yang dibentangkan oleh **Penyelaras Perancangan Strategik Fakulti (PSTU)** di **Mesyuarat Pengurusan Fakulti** pada **setiap bulan**. PSTU sentiasa memberi peringatan kepada ahli pengurusan Fakulti sekiranya masih terdapat penunjuk prestasi (PI) yang masih ditahap pencapaian 0% (Rajah 4.4.1.1). **Koordinator Penyelidikan Fakulti** di bawah Unit RICAEN akan memastikan setiap perancangan aktiviti dan program telah dilaksanakan untuk pergerakan PI Fakulti. Selain itu, semakan berkala oleh Koordinator Penyelidikan dengan **pihak ReNeU** juga dijalankan untuk menyemak data-data yang masih belum direkodkan oleh pegawai bertanggungjawab atau belum dibuat pelaporan atau didatarkan oleh staf FSPPP.

Tambahan, Unit RICAEN juga memantau aktiviti penyelidikan atau projek yang mendapat **geran dalaman Fakulti secara pemantauan berkala; setiap 6 bulan** (Rajah 4.4.1.2). Ia agar pelaporan telah dibuat di sistem IRMIS pada setiap 6 bulan dan aktiviti penyelidikan tersebut mencapai penunjuk prestasi yang ditetapkan (1 prosiding berindeks, 1 jurnal berindeks, dan 1 buku atau 1 artikel di jurnal berindeks). Selain itu, penganjuran **persidangan antarabangsa** dengan kerjasama universiti-universiti yang menandatangani Memorandum Persefahamanan (MOU) dengan UiTM dapat **meningkatkan jumlah kerjasama penerbitan dengan universiti antarabangsa, jumlah sitasi** dan lain-lain kolaborasi (Rajah 4.4.1.3). Usaha penambahbaikan sentiasa dijalankan bagi memastikan jumlah artikel yang diindekskan di SCOPUS/WOS/MYCITE oleh staf FSPPP dapat ditingkatkan sepanjang tahun. Koordinator Penyelidikan FSPPP menggunakan aplikasi perisian *Microsoft Excel* bagi mengumpul semua data berkaitan bidang tumpuan.

Tambahan, pemantauan bagi bidang tumpuan digiatkan lagi melalui aduan atau maklumbalas yang diperolehi daripada staf di **Mesyuarat Fakulti** yang diadakan sekurang-kurangnya 2 kali setiap tahun. Pemantauan kualiti dan mutu penyelidikan dijalankan oleh staf dan pelajar juga dibuat melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti** dan **semakan permohonan Etika bagi kajian yang dijalankan oleh staf dan pelajar** (Rajah 4.4.1.4).

Selain itu, pemantauan dijalankan oleh **Unit Kualiti** melalui pelaksanaan **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** yang dijalankan pada setiap tahun. Hasil pemantauan ini dapat dilihat dengan pencapaian nisbah pensyarah dan jumlah penerbitan; dimana FSPPP berada pada kedudukan **10 teratas keseluruhan Fakulti di UiTM**. (Rajah 4.4.1.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20241\\_Lampiran Rajah 4.4.1.1.pdf](#)
2. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20242\\_Lampiran Rajah 4.4.1.2.pdf](#)
3. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20243\\_Lampiran Rajah 4.4.1.3.pdf](#)
4. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20244\\_Lampiran Rajah 4.4.1.4.pdf](#)
5. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20245\\_Lampiran Rajah 4.4.1.5.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan merupakan peneraju utama dalam melaksanakan program dan aktiviti bidang tumpuan ke arah kecemerlangan. Bagi merealisasikan kejayaan tersebut, FSPPP telah menggunakan langkah proaktif seperti **mengenal pasti risiko, menilai risiko, mengurus risiko** serta **memantau dan membuat penilaian berterusan** (Rajah 4.4.2.1).

FSPPP mengklasifikasikan risiko kepada **risiko dalaman** dan **risiko luaran**. (Rajah 4.4.2.2 dan Rajah 4.4.2.3). Risiko dalaman merupakan risiko yang berasal dari dalam fakulti dan biasanya boleh dikawal. Ianya melibatkan **risiko operasi** seperti masalah sistem pengumpulan maklumat. Seterusnya adalah **risiko kewangan** seperti kekangan kewangan dalam pembiayaan projek bidang tumpuan manakala **risiko sumber manusia** melibatkan pengetahuan yang kurang mengenai penerbitan, motivasi yang rendah bagi menghasilkan projek bidang tumpuan serta kekangan-kekangan lain di kalangan staf. Risiko kedua adalah risiko luaran dan biasanya adalah di luar kawalan fakulti seperti **risiko perubahan perundangan atau peraturan** dalam aktiviti bidang tumpuan. Risiko kewangan juga boleh dikelaskan sebagai risiko luaran kerana sumber kewangan yang terhad daripada pihak universiti yang menjadi kekangan kepada staf dalam menghasilkan output yang berkualiti.

Seterusnya penilaian risiko dibuat dengan **menyenaraikan kebarangkalian, impak dan keutamaan risiko tersebut**. Bagi tujuan tersebut, penilaian dibuat menggunakan **data staf** yang terlibat dengan aktiviti bidang tumpuan, **analisis trend** serta **maklum balas pakar**. Fakulti akan menilai impak yang mungkin timbul jika risiko tersebut menjadi kenyataan seperti kegagalan fakulti dalam mencapai PI yang telah ditetapkan dengan menetapkan keutamaan risiko dengan **melaksanakan tindakan kepada risiko yang lebih utama** (Rajah 4.4.2.4).

Langkah ketiga adalah **menguruskan risiko-risiko** tersebut dengan mengambil tindakan mengurangkan kebarangkalian atau impak seperti **memperbaiki proses pengumpulan data** atau **menyediakan latihan tambahan kepada staf**. Selain itu, risiko juga boleh dikurangkan melalui **strategi perkongsian projek bidang tumpuan bagi meningkatkan kemahiran dan motivasi staf**. Bagi risiko yang kurang impak, fakulti akan memantau secara beterusan untuk memastikan ianya tidak meningkat.

Fakulti juga **memantau risiko** yang telah dikenalpasti **secara berkala** untuk melihat perubahan dalam kebarangkalian atau impak (Rajah 4.4.2.5). Penilaian semula juga dilakukan secara berkala bagi memastikan strategi pengurusan risiko tetap relevan dan berkesan. Seterusnya fakulti mewujudkan **sistem pelaporan** yang selaras dengan kehendak universiti bagi memastikan maklumat mengenai risiko disampaikan dengan jelas kepada pihak pengurusan fakulti melalui **mesyuarat**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20241\\_Rajah 4.4.2.1.pdf](#)
2. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20242\\_Rajah 4.4.2.2.pdf](#)
3. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20243\\_Rajah 4.4.2.3.pdf](#)
4. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20244\\_Rajah 4.4.2.4.pdf](#)
5. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20245\\_Rajah 4.4.2.5.pdf](#)

#### **4.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Penganalisaan data bagi mengkaji tindakan penambahbaikan adalah berpusat di Unit RICAEN FSPPP di bawah Koordinator Penyelidikan (Rajah 4.4.3.1). Kaedah yang efektif telah digunakan bagi menganalisa hasil tindakan untuk penambahbaikan dalam program dan aktiviti bidang tumpuan berdasarkan strategi berikut.

##### **1. Pengumpulan Data**

Fakulti mengumpulkan data dari pelaksanaan program atau aktiviti yang telah dijalankan. Data ini termasuk **hasil penyelidikan, bilangan penerbitan, kadar penerimaan artikel oleh jurnal berimpak tinggi, hasil pengkomersilan dan maklum balas** dari pihak berkepentingan seperti penyelidik, industri, agensi kerajaan, universiti luar dan masyarakat.

##### **2. Penilaian Keberkesanan**

Data yang dikumpulkan dianalisis untuk menilai keberkesanan tindakan yang telah diambil. Ini melibatkan **perbandingan antara hasil yang dicapai dengan matlamat** yang telah ditetapkan. Fakulti akan melihat sama ada tindakan telah membawa kepada peningkatan dalam jumlah dan kualiti penyelidikan, penerbitan, dan aktiviti pengkomersilan.

##### **3. Kajian Kelemahan dan Peluang Penambahbaikan**

Fakulti mengkaji kelemahan yang dikenal pasti dalam proses pelaksanaan dan hasil yang dicapai seperti kekangan sumber manusia, isu dalam pelaksanaan, atau faktor luaran yang mempengaruhi keberhasilan. Pada masa yang sama, fakulti juga mengenal pasti peluang untuk penambahbaikan dan pelaksanaan aktiviti akan dibentangkan melalui mesyuarat fakulti.

##### **4. Maklum Balas dan Pembelajaran**

Maklum balas daripada penyelidik, pihak industri, agensi kerajaan, universiti luar dan masyarakat dianalisis untuk memahami persepsi mereka tentang keberkesanan program dan aktiviti seperti perjumpaan bersama rakan industri seacra berkala. Fakulti juga mengkaji amalan terbaik dari institusi lain dan mempertimbangkan bagaimana pendekatan tersebut boleh diterapkan bagi mencapai objektif bidang tumpuan dengan lebih berkesan.

##### **5. Cadangan Penambahbaikan**

Berdasarkan analisis yang dilakukan, fakulti merangka cadangan penambahbaikan untuk program dan aktiviti masa hadapan. Ini termasuk perubahan dalam strategi, pengagihan sumber, pendekatan penerbitan, atau strategi pengkomersilan. Antara cadangan-cadangan tersebut termasuklah **peer support groups** bagi meningkatkan motivasi staf, **insentif penyelidikan, (FSPPP RICAEN publication reward), penglibatan rakan penyelidikan daripada institusi luar serta inisiatif penerbitan buku hasil penyelidikan bersama pihak industri** (Rajah 4.4.3.2, Rajah 4.4.3.3, Rajah 4.4.3.4).

##### **6. Pelaksanaan dan Pemantauan Semula**

Cadangan penambahbaikan yang telah disetujui akan dilaksanakan, dan fakulti akan terus memantau hasil untuk memastikan bahawa tindakan yang diambil membawa kepada peningkatan yang berterusan. Proses ini adalah berulang, dengan penilaian berkala untuk memastikan program dan aktiviti terus relevan dan berkesan (Rajah 4.4.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20241\\_Rajah 4.4.3.1.pdf](#)
2. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20242\\_Rajah 4.4.3.2.pdf](#)
3. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20243\\_Rajah 4.4.3.3.pdf](#)

7. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20245\\_Rajah 4.4.3.5.pdf](#)  
5. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20245\\_Rajah 4.4.3.5.pdf](#)

## **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Kaedah yang sistematik bagi menjalankan aktiviti serta memantau hasil telah mendorong peningkatan aktiviti bidang tumpuan di FSPPP. Proses penganalisaan data ini telah digunakan bagi penambahbaikan berterusan dan inovasi. FSPPP telah mewujudkan **sistem pengurusan pengetahuan bagi mengumpul, menyimpan dan berkongsi hasil penganalisaan data** dengan warganya. Sistem ini membolehkan Koordinator Penyelidikan Fakulti mengakses maklumat dengan lebih mudah dan dapat menggunakan bagi tujuan perancangan program serta penambahbaikan.

Terlebih dahulu data berkenaan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan dikumpulkan melalui sistem PRIME yang dikemaskini mengikut setiap pensyarah. Setelah data diperolehi, ianya akan diplot di dalam **template penerbitan pensyarah** dan semakan akan dibuat bagi pencapaian PI (Rajah 4.5.1). Fakulti juga membuat **survei kesarjanaan pensyarah** yang dikutip di awal tahun bagi mengetahui keperluan pensyarah sepanjang tahun bagi aktiviti bidang tumpuan (Rajah 4.5.2). **Pelaporan aktiviti dan pencapaian PI** akan dibuat setiap suku tahun pada bulan April, Julai, September dan Disember bersama Timbalan Dekan RICAEN (Rajah 4.5.3).

Data yang dianalisis diselaraskan dengan matlamat strategik universiti bagi memastikan penambahbaikan atau inovasi yang dicadangkan selaras dengan visi dan misi universiti. Integrasi data yang lebih baik dengan meningkatkan kerjasama antara fakulti dan organisasi luar juga telah dijalankan. Ini termasuk berkongsi hasil penganalisaan data dengan organisasi lain yang terlibat dalam penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan. Pendekatan kolaboratif ini telah meghasilkan idea inovatif bagi pembangunan dasar kerajaan. Sebagai contoh, **hasil penyelidikan melalui geran Kementerian Dalam Negeri & Jabatan Perdana Menteri** bernilai RM400,000.00 telah berjaya diperolehi oleh FSPPP melalui usaha dan pemantauan berterusan ini. Pelaksanaan diteruskan melalui inovasi di mana penerbitan buku bagi **Kajian Indeks Keselamatan Negara** bernilai RM100,000.00 berjaya diperolehi melalui geran penerbitan buku yang dapat membantu pencapaian matlamat universiti dan memberi manfaat kepada negara dan masyarakat. Selain itu, **kepakaran penyelidik FSPPP** juga mendapat pengiktirafan di mana mereka sering dijemput bagi membincangkan topik berkaitan isu semasa politik dan dasar awam di televisyen dan radio tempatan (Rajah 4.5.4).

Bagi melonjakkan lagi aktiviti bidang tumpuan, FSPPP telah menjalankan **Hari Kecemerlangan Fakulti** yang diadakan setiap tahun bagi mengiktiraf usaha-usaha staf dalam menhasilkan output di dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan (Rajah 4.5.5). Dengan mengintegrasikan hasil penganalisaan data melalui langkah-langkah ini, fakulti telah dapat meningkatkan kualiti dan keberkesanan aktiviti bidang tumpuan dan mendorong inovasi berterusan yang memberikan kelebihan kompetitif kepada fakulti dan universiti dalam bidang penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_A01\\_AB05\\_20241\\_Rajah 4.5.1.pdf](#)
2. [F0064\\_A01\\_AB05\\_20242\\_Rajah 4.5.2.pdf](#)
3. [F0064\\_A01\\_AB05\\_20243\\_Rajah 4.5.3.pdf](#)
4. [F0064\\_A01\\_AB05\\_20244\\_Rajah 4.5.4.pdf](#)
5. [F0064\\_A01\\_AB05\\_20245\\_Rajah 4.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Elemen sumber manusia memainkan peranan penting dalam menggerakkan sesebuah organisasi bagi menjayakan insiatif strategik yang dirancang. FSPPP sentiasa menggalakkan seluruh staf akademik dan bukan akademik untuk bersama-sama terlibat dalam program berkaitan hal ehwal berkaitan pengurusan dan pembangunan pelajar.

Perancangan sumber manusia yang teliti adalah merupakan aspek yang diberikan penekanan oleh pihak fakulti. Pelan penggantian bagi jawatan pentadbir akademik diwujudkan di FSPPP agar kesinambungan tugas dan proses kerja di FSPPP dapat berjalan lancar. Perancangan dan pelantikan staf yang berkelayakan dan mempunyai kepakaran mampu menyumbang kepada kejayaan sesebuah program yang dilaksanakan.

Struktur pengurusan fakulti diperkasakan dengan perincian tugas dan tanggungjawab melibatkan Timbalan Dekan, Ketua Pusat Pengajian, Koordinator ICAEN serta Penyelaras Penyelidikan. Disamping itu, bagi menyokong fungsi HEP, warga FSPPP turut dilantik sebagai ahli jawatankuasa dalam membantu menggerakkan aktiviti yang dilaksanakan di peringkat fakulti. Setiap warga FSPPP perlu terlibat sekurang-kurangnya dalam satu program yang melibatkan aktiviti pelajar atau komuniti setempat. Pembangunan bakat, kemahiran dan pengetahuan juga amat dititikberatkan. Sehubungan dengan itu, individu yang berpotensi dikenalpasti dan digalakkan untuk menyertai kursus, bengkel atau seminar bagi mengukuhkan kompetensi diri.

Pelaporan berkala sentiasa dilaporkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dilaksanakan bagi memantau keberkesanan sumber manusia fakulti. Perkara ini amat diberikan penekanan dalam memastikan aspek sumber manusia fakulti bergerak seiring dengan insiatif strategik yang telah dirancang. Melalui pelaporan ini, masalah atau kekangan yang diutarakan akan diambil kira untuk proses penambahbaikan berterusan. Pemantauan keberkesanan sumber manusia turut dinilai semasa penyediaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan.

Proses penambahbaikan berterusan juga adalah aspek yang dititikberatkan dalam pengurusan sumber manusia. Sehubungan dengan itu, staf akademik dan staf pentadbiran amat diberikan galakan untuk bekerja secara kreatif dan inovatif. Penyertaan FSPPP dalam pertandingan seperti Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Kecemerlangan Operasi (OE) dan sebagainya membantu proses penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan produktiviti sumber manusia di fakulti.

FSPPP juga giat menjalankan kolaborasi dengan industri, agensi Kerajaan, IPTA/S dalam usaha meningkatkan aktiviti penyelidikan dalam kalangan pensyarah. Ini juga merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan kepakaran ahli fakulti secara khusus dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

## **5.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

### **(i) Kaedah pengurusan bagi menjayakan bidang tumpuan yang dipilih**

Kaedah pengurusan sumber manusia FSPPP adalah berteraskan konsep perancangan teliti, pembangunan bakat berterusan dan perancangan pelan penggantian yang jelas. Ini kerana sumber manusia merupakan aset penting dalam menentukan kejayaan fakulti. (Bukti 5.1.1- Perancangan RICAEN)

Sehubungan dengan itu, berikut adalah antara kaedah yang digunakan oleh FSPPP dalam pengurusan sumber manusia untuk mejayakan bidang pengurusan dan pembangunan pelajar:

1. TD ICAEN) – berperanan dalam merancang dan memastikan hal ehwal pengurusan penyelidikan FSPPP dilaksanakan berdasarkan strategi dan inisiatif yang dirangka.
2. Koordinator ICAEN – berperanan dalam membantu TD ICAEN untuk mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang menyumbang kepada aspek penyelidikan.
3. Penyelaras Penyelidikan – Membantu pelaksaaan geran dan penerbitan

Konsep pengurusan sumber manusia yang teratur ini telah membantu fakulti dalam meningkatkan peranan sumber manusia ke arah pencapaian yang berimpak tinggi yang mampu mengharumkan nama fakulti. Ini dapat dibuktikan melalui pencapaian FSPPP dalam memenuhi PI ICAEN bagi tahun 2023 yang diberikan oleh Universiti hasil penglibatan semua warga fakulti merangkumi staf dan pelajar.

### **(ii) Bentuk penghargaan dan pengiktirafan kepada sumber manusia**

FSPPP sangat menghargai sumbangan yang dilakukan oleh warga fakulti dalam menjayakan bidang tumpuan. Sehubungan dengan itu pengiktirafan dan ganjaran kepada tenaga sumber manusia sentiasa dilaksanakan oleh pihak fakulti sebagai satu bentuk penghargaan terhadap sumbangan yang diberikan. Berikut adalah anata bentuk penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan kepada sumber manusia:

1. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah satu bentuk penghargaan bagi mengiktiraf individu yang memamerkan prestasi yang cemerlang pada setiap tahun.
2. Hari Kecemerlangan Fakulti dilaksanakan bagi memberi penghargaan kepada warga fakulti yang banyak memberi sumbangan kepada warga fakulti. Antara kategori pengiktirafan adalah seperti Penulis (Bukti 5.1.2- Senarai kecemerlangan staf dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan)
3. FSPPP turut membuat hebatan penghargaan melalui poster bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh staf dalam mengharumkan nama fakulti. Hebatan ini adalah melalui medium media sosial rasmi fakulti, emel dan whatapps rasmi fakulti. (Bukti 5.1.3- Poster, web)

Proses penambahbaikan berterusan juga adalah aspek yang dititikberatkan dalam pengurusan sumber manusia. Sehubungan dengan itu, pihak ICAEN sentiasa merancang latihan-latihan sperti bengkel penulisan, bengkel FRGS kepada staf akademik dan sebagainya membantu proses penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan produktiviti sumber manusia di fakulti.(Bukti 5.1.4 – rancangan Latihan penyelidikan)

FSPPP juga giat menjalankan kolaborasi dengan industri, agensi Kerajaan, IPTA/S dalam usaha meningkatkan aktiviti penyelidikan dalam kalangan pensyarah. Ini juga merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan kepakaran ahli fakulti secara khusus dalam bidang penyelidikan. (Bukti 5.1.5 – senarai geran).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_S01\\_SB02\\_20241\\_Bukti 5.1.1 perancangan.pdf](#)
2. [F0064\\_S01\\_SB02\\_20242\\_Bukti 5.1.2 Surat Kelulusan Hari Kecemerlangan Fakulti 2023.pdf](#)
3. [F0064\\_S01\\_SB02\\_20243\\_Bukti 5.1.3 penghargaan poster.pdf](#)

4. [F0064\\_S01\\_SB02\\_20244\\_Bukti 5.1.4 Senarai Latihan penyelidikan.pdf](#)
5. [F0064\\_S01\\_SB02\\_20245\\_Bukti 5.1.5 Senarai Geran.pdf](#)

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Bagi menjayakan aktiviti pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan, pihak fakulti telah menjalankan aktiviti untuk melibatkan sumber manusia inisiatif strategik 2022-2025.

Berikut adalah penglibatan dan pengoptimaan kepakaran serta pengalaman sumber manusia fakulti dalam mengerakkan inisiatif yang dirancang.

#### **a) Program Ace of Glory Project**

Tahun 2023 telah menyaksikan staf FSPPP terlibat dalam pelbagai bentuk program bersifat pengantarabangsaan. Program ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa tunjuk ajar dan bimbingan pihak pengurusan. (5.3.1 Program Ace of Glory).

Antara program yang telah dilaksanakan melibatkan kepakaran dan pengalaman staf FSPPP adalah seperti berikut:

- Bengkel Pencarian Journal
- Bengkel Penulisan Berimpak Tinggi
- Paper Matching oleh PTAR

#### **b) Geran Dalaman**

- Proses operasi bagi memudahkan pensyarah mengatasi masalah yang mereka hadapi seperti masalah peruntukan, diatasi dengan menawarkan geran dalaman. Sebanyak 5 geran dalam ditawarkan kepada warga FSPPP berjumlah RM25,000. (Bukti 5.3.2 – senarai geran dalaman).

#### **c) Geran Luar**

